

## SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU MAKMAL

<b>Jawatan</b>	Pembantu Makmal Gred C19			
<b>Kementerian</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia			
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	Pelaksana			
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	Sains			
<b>Jadual Gaji</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Gaji Minimum (RM Sebulan)</b>	<b>Gaji Maksimum (RM Sebulan)</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)</b>
	P1	1,357.00	4,008.00	100.00
<b>Syarat Lantikan</b>	<p>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) warganegara Malaysia;</li> <li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li> <li>(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; dan</li> <li>(d) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</li> </ul>			
<b>Taraf Jawatan</b>	Tetap			
<b>Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Perkhidmatan</b>	Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Pembantu Makmal Gred C19 adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.			
<b>Fungsi Bidang Tugas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Memastikan peralatan makmal berkeadaan baik dan makmal sentiasa bersih dan teratur;</li> <li>(b) Membantu menyediakan bahan kimia seperti larutan piawai, sample kawalan kualiti serta mengawasi kawalan kualiti bagi ujian yang dijalankan;</li> <li>(c) Menjalankan kalibrasi peralatan dan alat radas kaca dalam makmal;</li> <li>(d) Membantu menyedia/mengemaskini rekod-rekod untuk sistem keselamatan dan kesihatan dalam makmal; dan</li> <li>(e) Menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan.</li> </ul>			